

# BN yakin kekal kerusi Sulabayan

Oleh Lichong Angkui

KLANG, Selasa - Barisan Nasional (BN) yakin dapat mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sulabayan dalam pilihan raya kecil 28 Januari ini, kata Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, calon BN, Nasir Tan Sri Sakaran mempunyai peluang cerah memenangi kawasan berkenaan walaupun menghadapi tentangan daripada tiga calon bebas.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat landasan keretapi ber-

kembar Kuala Lumpur-Klang di sini hari ini, beliau berkata, kehadiran calon bebas berkenaan tidak menggugat BN.

"Di Sabah semua orang boleh bertanding... ada orang boleh *finance*... siapa tak ada duit satu sen pun boleh. Calon bebas itu kemungkinan ada orang *finance* sama ada parti atau bukan parti," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Joseph Pairin Kitingan kelmarin bahawa

parti itu tidak bertanding di Sulabayan disebabkan teknikal dari segi persempadanan kawasan itu, Dr Mahathir berkata: "Kalau dia letak (calon) pun, kalau dia kalah mungkin dia boleh kata pilihan raya itu salah."

Dalam pilihan raya kecil ini, Nasir, 37, ditentang oleh tiga calon bebas iaitu Abdul Aziz Abdul Hamid, 37, Jatlani Ibnu Sarin, 33, dan Amir Salleh Abdul Rahman, 37.

Mengenai pilihan raya umum, Dr Mahathir ber-

kata, beliau belum mendapat ilham lagi dan terpulang kepada pembangkang membuat andaian.

Ditanya apakah pilihan raya akan diadakan selepas Hari Raya Puasa, Perdana Menteri secara berseloroh menjawab: "Bagilah anda peluang raya dulu..."

Beliau juga mengkritik pembangkang, terutama Pas yang terus menggunakan al-Quran dan agama Islam termasuk hukum hudud untuk kepentingan politik mereka dan bukan untuk agama secara ikhlas.